

Dari Sebulan Ke Sebulan

Tatkala mengharuskan wang loteri untuk dijadikan masjid dan perkembangan-perkembangan agama, Tengku Abdul Rahman lalu menyatakan bahawa umat Islam janganlah berfaham sempit di dalam beragama – sebab berfaham sempit itu adalah merugikan untuk kemajuan agama. Mendengar ini orang-orang bertanya apakah dengan faham luas itu fahaman beragama telah mendapat kemajuan? Pada zaman kebangkitan Islam, tiap-tiap orang mengawal keras tentang kebersihan agamanya – kebersihan daripada hasil-hasil yang dibawa untuk perkembangan agama dan untuk berjihad menegakkan agama. Dengan itu hidup Islam berkat – orangnya sedikit tetapi kuat dan penuh yakin tetapi sekarang – orangnya ramai tetapi tidak yakin kepada agamanya. Dengan keyakinan yang serupa inilah seorang ulama yang terkenal di Kelantan pernah menyatakan sekiranya wang loteri, yang loterinya terus dilaksanakan dan digalakkan, dijadikan masjid dan untuk agama maka harus pula menggalakkan pelacuran supaya dipungut hasilnya untuk membina masjid itu. Kerana ketiadaan kesucian untuk binaan masjid itulah orang yang masih kuat mengawal kebersihan agamanya memandang bahawa masjid yang didirikan dengan wang loteri – masjid *dirār*, yang wajib dirobohkan. Menegakkan kebersihan agama bukanlah berfaham sempit namanya tetapi tegas perdirian.

* * *

Perdana Menteri Lee Kuan Yew sekarang dengan tegas bertindak mengeneipkan orang-orang yang ada di dalam lingkungannya yang bersifat kiri. Sifat kiri ini adalah seperkara yang menjadikan orang-orang berasa syak atas langkah dan tindak tanduk kerajaan masa dahulu. Dengan langkah-langkah yang tegas ini maka diharap bahawa kerajaan sekarang terhapuslah

daripada anasir-anasir *Socialist* kiri. Orang ramai berharap pembersihan itu akan dijalankan terus.

* * *

Komrad Melan Abdullah telah berterus terang bagaimana ia telah bekerja menyampaikan usaha di dalam tindak tanduknya di dalam menyampaikan fahaman *Socialist* kiri. Peristiwa ini terjadi adalah kerana ia telah menyebelahi majikan dalam pemogokan Utusan Melayu. Melan mengaku yang ia dahulu dilatih sebagai “orang *Communist*”. Kemudian ia menyeludup di masyarakat menyampaikan fahaman-fahaman itu. Kerana sekarang berubah sikap dan pemogok Utusan nampaknya atau lebih daripada apa yang dapat dipandang disokong kuat oleh golongan *Socialist* sehingga Melan dipecat maka zahirlah kepada orang ramai bahawa selama ini rupanya ada tempat-tempat yang dijadikan alat atau diperalat oleh golongan-golongan ini untuk menegakkan atau menyampaikan tujuan-tujuan dan faham mereka. Harus sebab inilah selalu didapati di dalam perkara-perkara agama mereka menggantung di dalam lipatan untuk memecahkan perpaduan umat Islam. Hubaya-hubaya umat Islam hendaknya menyedari hal ini – janganlah hendaknya kita diperalat orang lagi.

* * *

Haji Ash‘iya’ tatkala balik dari haji membuat satu penyata kepada kerajaan tentang keadaan haji. Di antara penyata yang disampaikan beliau bahawa orang-orang haji dari Malaya ditempatkan di tempat-tempat yang sempit oleh shaykh-shaykh haji di Makkah. Sekali pandang hal ini benar tetapi kalau difikirkan dengan siuman maka tentunya patutlah atau mustahak kita bertimbang rasa di dalam keadaan ini. Bandar Makkah adalah sangat kecil – tidak

separuh pun besarnya dari bandar Kuala Lumpur. Manusia datang bertengah-tengah milion dari segala pelosok. Di manakah hendak diperumahan mereka? Di mana mereka hendak diletakkan dengan keadaan yang luas seperti di rumah sendiri?

Sebenarnya jemaah haji dari Malaya patut bersyukur – masih dapat perumahan – atau tidur di rumah – dan mendapat sebaik-baik tempat jika dibandingkan dengan orang lain. Tidakkah beliau melihat bahawa di tepi-tepi jalan beberapa banyak orang tidur? Tetapi adakah kita terlihat orang-orang dari Tanah Melayu yang tidur di tepi jalan? Tidak! Fikirlah baik-baik dan berilah timbang rasa di dalam suasana menghadapi manusia yang menumpang-numpang datang beribadat ke sana.

* * *

Haji Ash‘iya’ patut membuat perbandingan. Tatkala mengadakan sambutan Merdeka di Kuala Lumpur dahulu tidakkah terlihat berapa banyak manusia yang tidur di kaki lima kerana di sana tidak mencukupi tempat tumpangan? Yang datang masa itu tidak sampai seratus ribu orang. Tetapi di bandar Makkah yang sempit itu, yang datang dengan kapal menunaikan fardu haji tahun ini lebih dua ratus ribu orang – tidak termasuk orang-orang yang datang dengan kenderaan dengan jalan darat sehingga di dalam menunaikan fardu haji telah melimpah-limpah sehingga semilion lebih. Patutnya kita bersyukur masih tidur di rumah sekalipun tempatnya sempit. Bandinglah, bandar Makkah yang kecil itu penduduknya ada 400,000 orang lebih. Tidakkah mereka telah mengalah? Fikirlah dan bertimbang rasalah sebab dengan memberi pendapat dengan semberono seperti ini bermakna memberi senjata kepada musuh-musuh Islam untuk menikam Islam sendiri.

* * *

Timbang rasa lebih-lebih patut diberi ialah bahawa untuk penerima tetapi yang tidak berhad sehingga bermilion-milion itu bukanlah suatu perkara yang senang. Orang-orang Islam yang datang ke Tanah Suci itu ada berbagai-bagai macam kelakuan

dan perangai mereka. Demikian juga banyak di dapati orang-orang yang jahil. Untuk ini tentulah bukan mudah bagi kerajaan mengawal dan menyelenggarakannya. Di dalam pada itu wajib kita bersyukur bahawa usaha-usaha perbaikan sedang dibuat satu lepas satu sehingga kalau seseorang pergi ke Arafah tidak akan kehausan lagi sebab paip-paip di tepi jalan sudah banyak dibuat untuk menyenangkan orang-orang haji. Penulis sendiri telah merasai nikmat itu sehingga penulis dapat mandi. Demikian juga di Mina. Apakah atas ini sahaja kita tidak bersyukur dan berterima kasih?

* * *

Tahukah kita bahawa dengan kedatangan orang-orang yang banyak ke Mekah itu penduduk Makkah yang hidup mendapat rahmat Tuhan di sekeliling *Bayt Allāh* itu telah membuat korban? Air paip mereka di rumah-rumah mereka terpaksa dibuka beberapa jam sahaja sehari padahal masa tidak sampai waktu haji paip dibuka terus. Dengan musim haji mereka terpaksa berbelanja lebih kerana barang-barang melambung tingginya dengan sebab banyaknya orang-orang yang datang itu. Pernah seorang imam sebuah masjid di luar Makkah berkata: “Apakah kami dapat selain daripada ini?” Hanya kerana ia terjadi bagi saudara-saudara yang datang menyambut seruan Tuhan kepada-Nya kami serahkan keadaan kami dan kami berharap mendapat berkat daripada-Nya. Hubaya-hubaya hal ini menjadi fikiran dan perhatian bagi orang-orang yang balik dari haji. Berhati-hatilah sebab di sekeliling kita banyak anasir-anasir yang suka memburukkan agama, dan kita, atau apa yang kita sebutkan akan dijadikan mereka senjata menikam kita dari belakang.

* * *


Tatkala Seri Paduka Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong menjadi tetamu kerajaan Terengganu maka adat kebiasaan minum selamat tidak ada lagi. Setelah Yang di-Pertuan Agong bertitah dan disambut pula oleh titah Sultan maka diminta Tuan Mufti Terengganu membaca doa. Ini tentulah

suatu cara asli daripada Melayu sebab minum selamat itu tentulah bukan daripada Melayu. Ini tentunya dari Barat. Orang ramai berharap peristiwa itu akan disambut dan dibuat di mana-mana di Tanah Melayu sebab agama rasmi mereka adalah agama Islam dan cara Islam itulah yang lebih sesuai.

* * *

Perarakan sambutan Mawlid di Singapura telah dibidas. Bidasan itu memang pada tempatnya sebab majlis perarakan itu, sekalipun bida'ah, tetapi ditujukan kerana mengembangkan syiar Islam, bukan beramai-ramai dan untuk bersukaria,

tari-menari, joget-berjoget dan seumpamanya. Perbuatan yang tidak patut itu mestilah hendaknya jangan berlaku lagi. Tiap-tiap pasukan berarak hendaklah ditanya dahulu betapa caranya dan bagaimana bentuknya – supaya jangan menimbulkan perkara-perkara yang tidak diinginkan. Mudah-mudahan kesalahan ini menjadi pula panduan untuk masa yang akan datang. Juga dalam masa menunjukkan cinta kepada Nabi itu ikutlah seruan baginda – bukannya habis di situ sahaja bahkan janganlah kerana bermesyuarat kerananya apabila sampai waktu Maghrib langsung lesap lalu tidak pun berjemaah sembahyang bersama-sama.



Suatu pemandangan dalam majlis jamuan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, untuk meraikan enam

belas orang wakil dari Sabah dan Sarawak yang telah melawat Persekutuan Tanah Melayu baharu-baharu ini. Baginda

kelihatan di tengah-tengah – yang kelima dari kiri.